

PENGUASAAN GOLONGAN KATA DALAM KALANGAN MURID SJKT

Sivaneswary Sivaratanam

Jabatan Bahasa Melayu,

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

essivaneswary333@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan penguasaan golongan kata dalam kalangan murid SJK (T). Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis penguasaan kemahiran tatabahasa khususnya golongan kata BM murid SJK (T). Skop kajian merangkumi penguasaan golongan kata BM tahap satu. Objektif kajian ini ditentukan melalui satu ujian yang merangkumi 30 soalan tatabahasa berdasarkan kemahiran yang disenaraikan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi Tahap 1. Model Pengajaran Berkesan oleh Slavin (1994) digunakan sebagai landasan kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan, pemerhatian, temu bual dan tinjauan lapangan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian penilaian kemahiran tatabahasa. Pengkaji telah memilih 15 golongan kata dalam membina soalan tatabahasa Tahap I untuk diuji dalam kalangan 50 orang murid Tahap II, iaitu darjah lima. Data dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Data menunjukkan bahawa kemahiran sistem tatabahasa tahap satu kurang dikuasai oleh murid tahap dua. Hal ini terbukti apabila murid darjah lima tidak dapat

menjawab sistem tatabahasa yang kosa katanya diuji daripada buku teks yang telah dipelajari dalam tahap satu. Hampir 60% daripada keseluruhan responden gagal mendapat betul dalam ujian penilaian kemahiran tatabahasa yang telah diadakan.

Kata kunci: bahasa Melayu, kemahiran tatabahasa, tahap 1, analisis penguasaan

MASTERING OF WORD GROUPINGS AMONG NATIONAL TYPE TAMIL PRIMARY SCHOOL (SJKT) STUDENTS

ABSTRACT

This study focuses on the mastering of Malay language word groupings among national type Tamil primary school (SJKT) students. The objective of this study is to identify and analyze the ability to master grammar skills especially Malay language word groupings of level one. The objective of this study was determined through a test comprising 30 grammatical questions based on the skills listed in KSSR for Level 1. Effective Teaching Model by Slavin (1994) is used as a platform for this study. The research involves methodologies based on literature, observation, interviews and field study. The tools used for this study is grammar skill assessment test. The researcher has chosen 15 word groupings in itemizing questions for level one grammar which were then used to test 50 students from level two as a respondents (year five students). The data was analyzed quantitatively and qualitatively. The outcome revealed that the mastery of level one grammar was not satisfactory among the level two students. This is proven when a year five students could not answer the grammatical system whereby the vocabulary tested from the textbook that has been studied in the level one. Nearly 60% of the respondents failed to get through the grammar assessment test.

Key words: Malay language, grammar skills, level one, mastery analysis

PENGENALAN

Selain menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, Bahasa Melayu (BM) juga dimartabatkan sebagai bahasa utama dalam bidang pendidikan. Sebuah Jawatankuasa Pelajaran telah dibentuk pada September 1955 untuk menjadikan BM sebagai bahasa kebangsaan sambil mengekalkan bahasa dan budaya masyarakat lain, melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan, Laporan 1956 (Suthanthiradevi J.N.J Money, 2004). Dasar ini membolehkan anak-anak daripada masyarakat yang berlainan bangsa bersatu bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Masalah bahasa pengantar tidaklah penting, asal anak-anak itu mempelajari isi kandungan kurikulum yang sama, maka sekolah Cina dan Tamil dikekalkan, iaitu lebih daripada satu bahasa pengantar digunakan. Walau bagaimanapun, pengajaran BM diwajibkan di sekolah-sekolah tersebut. Tujuan penting dasar itu adalah untuk membina bangsa dengan menggunakan satu sukatan pelajaran yang sama kandungannya, maka rakyat akan bersatu menjadi identiti baharu.

BM diajarkan dalam tahap satu dan tahap dua di semua sekolah kerajaan sama ada di Sekolah Kebangsaan (SK) atau Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) mahupun Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Murid-murid SJKT dan SJKC mengambil peperiksaan UPSR bagi mata pelajaran BM yang tidak setaraf atau berbeza dengan kertas soalan BM di SK. Sekiranya murid-murid SJKT dan SJKC menduduki peperiksaan mata pelajaran BM dan mencapai keputusan yang kurang memuaskan, maka mereka perlu mengikuti Kelas Peralihan sebelum memasuki Tingkatan Satu di peringkat sekolah menengah. Kesukaran murid SJKT yang mempelajari bahasa kedua ini memang tidak dapat dinafikan. Bermula dari prasekolah hingga sekolah rendah, terbukti untuk menguasai bahasa Melayu dengan sepenuhnya adalah sukar. Walaupun masa pengajaran untuk bahasa kedua lebih daripada

pengajaran subjek lain, namun tahap penguasaannya tidak memuaskan. Batik Anak Bidin (2011:15) menyatakan bahawa keputusan yang kurang baik dalam mata pelajaran BM boleh membawa kesan yang kurang baik juga kepada keseluruhan keputusan murid tersebut. Antara kemungkinan masalah yang utama ialah BM yang diajar terlalu formal dan tidak ada persamaan kegunaannya dengan bahasa yang dituturkan sehari-hari iaitu bahasa ibunda. Bukan itu sahaja, ada yang memperkatakan bahawa bahasa kedua yang diajar di dalam bilik darjah tidak mengambil kira faktor budaya dan sosial.

PERNYATAAN MASALAH

Keputusan peperiksaan UPSR bagi mata pelajaran BM pemahaman menunjukkan perbezaan pencapaian antara murid SK, SJKT dan SJKC. SJKT yang menunjukkan pencapaian yang sangat rendah dalam BM pemahaman berbanding dengan SK dan SJKC. Menurut Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Seri Dr Khair Mohamad Yusof (2015), lima kertas peperiksaan menunjukkan penurunan prestasi berdasarkan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP), berbanding tahun 2014. Salah satunya ialah Bahasa Melayu (Pemahaman) di SJK. Hal ini menjadi satu petanda yang sangat terang menunjukkan murid SJK belum menguasai BM mengikut kurikulum standard yang ditetapkan. Dalam konteks perbincangan di sini, pengkaji membincangkan aspek tatabahasa BM sahaja. Menurut Noor Zila binti Md. Yusuf. (2015), pelajaran bertutur dan prinsip tatabahasa harus memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran untuk menguasai sesuatu bahasa baharu. Walaupun peruntukan masa bagi pengajaran BM mencukupi, tetapi keputusan peperiksaan masih menunjukkan pencapaian yang sangat lemah di SJKT.

Hasil daripada pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa apabila pencapaian murid lemah di darjah enam, guru yang mengajarkan BM menganggap bahawa guru BM darjah

satu hingga lima kurang memantapkan kemahiran tatabahasa murid yang lemah sebelum menjejak darjah enam. Fenomena ini secara langsung berterusan di SJKT dan pencapaian murid dalam BM semakin rendah. Laluan memenuhi kemahiran murid menjadi tanda soal kebelakangan ini. Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan di SJKT didapati bahawa murid sangat lemah dalam kemahiran tatabahasa. Terdapat 15 aspek golongan kata yang diuji dalam UPSR. Persoalannya, adakah 15 golongan kata diajarkan oleh guru untuk murid selain dinyatakan dalam DSKP?

Bagaimanakah murid akan menguasai tatabahasa sedangkan pengajaran tatabahasa hanya diajarkan secara tidak langsung? Di peringkat sekolah rendah, guru kurang merancang pengajaran tatabahasa yang disepadukan dengan kemahiran asas berbahasa melalui ilmu yang menjadi isi pelajaran. Kajian-kajian lepas terhad kepada satu aspek yang dikaji seperti kajian Vijayaletchumy Subramaniam (1998) telah mengkaji masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak prasekolah khususnya kata nama, kajian Suthanthiradevi J.N.J Money. (2004) tertumpu kesalahan bahasa dalam karangan murid Tamil yang mempelajari bahasa Melayu di sekolah menengah, Nor Zaiton Hanafi, Nor Azura Mohd Salleh & Zamri Mahamod (2008) telah menganalisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan pelajar Cina ketika belajar bahasa Melayu, kajian Sharina binti Halim (2010) berfokus kepada penguasaan tatabahasa BM dalam kalangan murid tahun empat, Abdul Rashid Daing Melebek (2010) telah membincangkan penguasaan tatabahasa guru mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam dan Kajian Rohaza binti Mohd Saad (2011) berkaitan kesilapan morfologi dalam penulisan bahasa Melayu pelajar bukan Melayu. Hal ini memberikan lompang kepada pengkaji untuk mengenal pasti dan menganalisis penguasaan golongan kata BM tahap satu dalam kalangan murid tahap dua.

OBJEKTIF

Objektif kajian ini ialah untuk menganalisis penguasaan golongan kata BM tahap satu dalam kalangan murid Sekolah (Jenis) KebangsaanTamil.

KAJIAN LITERATUR

Vijayaletchumy Subramaniam (1998) telah mengkaji masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Populasi kajian ini ialah kanak-kanak yang belajar di tiga buah institusi prasekolah di Serdang, Selangor. Kajian ini mengaitkan masalah penguasaan bahasa Melayu dengan bidang psikolinguistik. Hasil kajian membuktikan bahawa kecekapan kanak-kanak menguasai kata nama adalah berdasarkan kata yang selalu digunakan di rumah. Kanak-kanak akan hanya menggunakan kata-kata yang mudah dan ketara hasil daripada pemerhatian mereka. Dalam proses pemerolehan ini, kanak-kanak selalu menggunakan strategi simplikasi (permudahan) untuk menggambarkan makna yang dikuasai oleh mereka.

Suthanthiradevi J.N.J Money. (2004) telah mengkaji kesalahan bahasa dalam karangan murid Tamil mempelajari bahasa Melayu di sekolah menengah. Sampel kajian terdiri daripada 53 orang murid Tingkatan Empat di empat buah sekolah menengah dalam daerah Kinta, Perak. Teori Analisis Kesilapan dan Teori Bahasa Antara telah digunakan untuk menganalisis kesalahan bahasa Melayu dalam karangan murid Tamil. Kajian mendapati bahawa murid Tamil melakukan kesalahan tatabahasa, iaitu aspek perkataan, frasa dan ayat. Kesalahan penggunaan aspek perkataan yang paling banyak dilakukan oleh murid dan diikuti oleh kesalahan penggunaan aspek frasa dan ayat. Kebanyakan struktur binaan ayat adalah terjemahan literal daripada struktur ayat bahasa Tamil. Secara keseluruhan, kajian menunjukkan bahawa murid Tamil hanya

berada pada tahap Basilek dan Mesolek sahaja. Maka, murid Tamil masih lemah dalam penguasaan tatabahasa BM. Mereka masih belum menguasai Sistem Tatabahasa BM.

Nor Zaiton Hanafi, Nor Azura Mohd Salleh & Zamri Mahamod (2008) telah menjalankan kajian bertajuk “Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Pelajar Cina ketika Belajar Bahasa Melayu”. Tujuan kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti kesalahan sintaksis dan morfologi yang dilakukan oleh pelajar Cina SMK Datok Lokman dalam penulisan karangan. Kajian ini merupakan kajian kes yang dijalankan melalui analisis dokumen yang melibatkan 30 buah karangan pelajaran Cina. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar Cina kerap melakukan kesalahan sintaksis yang berkaitan ayat majmuk, iaitu sebanyak 34.1 peratus dan merupakan kesalahan paling tinggi, manakala dari aspek morfologi pula, kesalahan penggunaan imbuhan paling kerap dilakukan oleh pelajar Cina, iaitu sebanyak 39.7% berbanding dengan kesalahan kata ganda, kata sendi nama dan kata hubung. Hal ini kerana pelajar Cina masih terpengaruh dengan struktur ayat dalam bahasa Mandarin yang tidak mempunyai imbuhan.

Kajian Sharina binti Halim (2010) berfokus kepada penguasaan tatabahasa BM dalam kalangan murid tahun empat. Kajian ini merupakan satu usaha untuk melihat sejauh mana penguasaan tatabahasa BM murid tahun empat dalam pembelajaran BM, di samping mengenal pasti kesalahan tatabahasa yang sering dilakukan oleh mereka dalam penulisan. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti aktiviti yang boleh dijalankan untuk meningkatkan penguasaan tatabahasa BM. Sampel bagi kajian ini ialah seramai 20 orang murid tahun empat. Kajian menggunakan kaedah perpustakaan, modul soalan dan temu bual. Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 174 kesalahan tatabahasa BM dilakukan oleh 20 orang murid tahun empat, iaitu sebanyak 82 kesalahan dilakukan oleh murid lelaki dan 92 kesalahan

dilakukan oleh murid perempuan. Terdapat 42 kesalahan bahasa BM yang dikenal pasti. Antaranya ialah kesalahan ejaan, imbuhan, kata sendi nama, penggunaan huruf besar dan kecil.

Abdul Rashid Daing Melebek (2010) dalam kertas kerja Jurnal Linguistik telah membincangkan “Penguasaan Tatabahasa Guru Mata Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam”. Penyelidikan ini dijalankan untuk mengetahui tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu guru yang sedang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 6 Atas. Semua responden diminta memenuhi soal selidik dan menjawab ujian tatabahasa bahasa Melayu dalam masa 90 minit. Penyelidikan ini mendapati bahawa semua responden menghadapi masalah dan masih keliru dalam semua aspek tatabahasa yang dikemukakan dalam ujian. Aspek tatabahasa yang kesalahannya melebihi 50% ialah kata pemerai 82%, klausa 74%, predikat 58%, morfologi 53%, kata penguat 52%, golongan kata 75% dan tanda baca 81%. Kesalahan aspek tatabahasa yang dilakukan oleh para guru yang sangat ketara ialah kata pemerai, klausa dan tanda baca, manakala aspek predikat, morfologi, kata penguat adalah pada sekitar 50% kesalahan. Para guru juga mempunyai masalah dalam aspek yang lain, cuma kurang ketara sangat dan berada di bawah 50% kesalahan seperti kata hubung, ayat majmuk, semantik, imbuhan, sintaksis, frasa, subjek, kata majmuk, kata ganda, dan ayat aktif. Hal ini mempunyai kesan kepada para pelajar mereka yang kurang cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu STPM.

Kajian Rohaza binti Mohd Saad (2011) berkaitan kesilapan morfologi dalam penulisan bahasa Melayu pelajar bukan Melayu. Kajian ini memfokuskan komponen morfologi, iaitu kelompok kata tugas, kata ganti nama dan imbuhan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesalahan bahasa yang terdapat dalam karangan murid bukan Melayu. Sampel kajian terdiri daripada 50 orang murid tahun lima

bukan Melayu di SK Pusat Bandar Puchong (2), Puchong, Selangor. Dapatan kajian diperoleh daripada hasil karangan murid seramai 50 orang daripada tiga kelas berlainan tahap pembelajaran. Dapatan kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa murid bukan penutur jati bahasa Melayu di sekolah kebangsaan kurang menguasai aspek morfologi, terutama dalam kategori imbuhan, kata ganti nama, kata sendi nama dan kata hubung.

METODOLOGI


Kajian ini merupakan satu kajian kes yang bertujuan untuk meninjau penguasaan BM dari segi pemahaman golongan kata dalam kalangan murid berketurunan India. Oleh itu, reka bentuk deskriptif dipilih oleh pengkaji kerana persoalan penguasaan bahasa adalah sesuatu yang amat sukar untuk diukur secara mutlak. Hal ini kerana Mohd. Majid Konting (2009:96) menyatakan bahawa untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu isu yang sedang berlaku, kaedah kajian deskriptif yang digunakan. Kajian ini dilakukan terhadap murid India yang sedang belajar di sekolah kerajaan yang terletak di negeri Selangor. Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Serdang merupakan lokasi kajian. Tempat kajian ini mempunyai populasi murid India darjah lima berjumlah 76 orang, iaitu 39 orang murid perempuan dan 37 orang murid lelaki. Daripada jumlah tersebut, seramai 50 orang murid, iaitu jumlah murid daripada kelas yang dikategorikan sebagai cemerlang dipilih sebagai sampel kajian ini. Pengkaji memilih sampel kajian tersebut disebabkan kebolehan mereka menguasai kemahiran bahasa lebih tinggi. Pemilihan sampel ini dibincangkan dan disokong oleh guru yang mengajarkan BM di lokasi kajian. Ary et al. (1996), memberikan pendapat bahawa dua ciri utama sampel yang baik bagi sesebuah pengkajian, iaitu kecukupan dan perwakilan. Kecukupan bermakna kemampuan sampel untuk membuat kesimpulan mengenai ciri populasi yang

diselidiki. Dari aspek perwakilan pula, pengkaji perlu memastikan bahawa setiap populasi kajian mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel.

Ujian penilaian kemahiran tatabahasa merupakan instrumen untuk mendapatkan data dalam kajian ini. Pengkaji menyediakan soalan tatabahasa sebanyak 30. Ujian ini merangkumi 15 golongan kata yang harus telah dikuasai oleh murid. Kemahiran tatabahasa peringkat rendah semasa Tahap 1 lebih mudah dan soalan diberikan hanya berdasarkan soalan berbentuk objektif dan padanan. Jika tidak mengetahui jawapan yang tepat, murid masih boleh menjawab dengan menandakan pilihan jawapan yang diberikan (A, B, C, D). Soalan yang dibina adalah berdasarkan kemahiran tatabahasa yang terdapat dalam buku teks Tahap 1. Hal ini bertujuan untuk mengukur sejauh mana tahap penguasaan kemahiran tatabahasa murid pada masa Tahap 1. Data yang diperoleh daripada ujian yang dijalankan akan dipindahkan secara manual ke dalam bentuk jadual, graf dan carta pai untuk memudahkan proses pengiraan. Data yang dipindahkan seterusnya dianalisis dalam bentuk deskriptif.

Kerangka Teori

Kerangka teori kajian ini berdasarkan model input-output. Input berdasarkan model QAIT Slavin (1994) yang mengatakan bahawa pengajaran guru yang berkesan dipengaruhi oleh empat faktor, iaitu kualiti pengajaran (Quality), kesesuaian aras pengajaran (Appropriateness), insentif (Incentive) dan masa (Time), manakala output ialah peningkatan dalam pencapaian akademik murid.



Rajah 1: Model QAIT Slavin (1994)

1. **Kualiti Pengajaran** Kualiti pengajaran bermaksud peringkat suatu maklumat atau kemahiran dipersembahkan agar murid mudah mempelajarinya. Kualiti pengajaran tertumpu kepada hasil kualiti kurikulum dan pengajaran pembelajaran yang berlaku. Penilaian atau peperiksaan perlu diadakan oleh guru pada akhir sesuatu pelajaran supaya objektif pelajaran dapat dicapai dan tahap kualiti pengajaran dapat diuji.

2. **Kesesuaian Aras Pengajaran** Unsur ini merujuk peringkat, iaitu guru memastikan bahawa murid sudah sedia untuk mempelajari bahan pelajaran baharu (iaitu mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan berkaitan untuk mempelajarinya) tetapi belum mempelajari topik tersebut lagi. Dalam erti kata lain, peringkat pengajaran mesti bersesuaian apabila suatu pelajaran itu bukan terlalu susah atau terlalu mudah untuk murid. Hal ini kerana murid yang lemah tidak dapat mengikuti pelajaran jika aras pengajaran tinggi, sebaliknya aras pengajaran yang rendah akan menyebabkan murid cerdik berasa bosan dan hilang tumpuan terhadap pelajaran.

3. **Insentif** Insentif membawa makna peringkat, iaitu guru memastikan bahawa murid dimotivasi untuk bertindak atas tugas berasaskan arahan dan mempelajari bahan yang dipersembahkan. Dua cara untuk memotivasikan murid adalah

dengan menarik minat melalui pengajaran yang seronok dan keduanya melalui pemberian ganjaran dan pujian.

4. Masa Aspek masa merujuk peringkat, iaitu pelajar diberi masa yang mencukupi untuk mempelajari bahan yang disampaikan. pengajaran guru di pengaruhi oleh dua faktor masa, iaitu masa yang diperuntukkan (allocated time) oleh pihak sekolah kepada guru untuk mengajar sesuatu mata pelajaran, masa tugas (time-on-task) atau engaged time yang bermaksud masa yang guru gunakan untuk mengajar dan masa yang digunakan oleh murid untuk belajar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan atau kemahiran (Shahril bin Hj Marzuki, 2005).

Hubungan perkembangan antara setiap empat elemen pemboleh ubah dalam model QAIT dan kesan ke atas pencapaian pelajar adalah dalam gandaan. Sekiranya mana-mana satu pemboleh ubah menjadi sifar, hasil pembelajaran juga menjadi sifar. Tahap mesti atas sifar. Contohnya, motivasi untuk belajar akan mencapai aras maksimum apabila murid menunjukkan pencapaian berterusan. Kesan kualiti dan keberkesanan arahan juga turut berkembang. Masa atas tugas juga meningkat secara signifikan terhadap pembelajaran (Emmer dan Aussiker, 1990). Implikasi yang amat penting tentang model QAIT ialah para guru perlu fokus pada setiap elemen berunsur pengajaran efektif - kualiti, kesesuaian, insentif dan masa jika mereka ingin menghasilkan perubahan ketara dalam pencapaian murid. Guru, khususnya perlu memastikan bahawa jika mereka menyelesaikan masalah berkaitan satu elemen, mereka tidak mencetuskan masalah baharu berkaitan dengan elemen lain. Contohnya, Slavin (1987) menerangkan kegagalan proses pengajaran individualistik pada 1970. Beliau mendapati bahawa apa yang guru peroleh dalam peringkat kesesuaian aras pengajaran tidak diperoleh dalam kualiti pengajaran, motivasi dan masa atas

tugasan. Oleh itu, pengajaran berkesan ialah satu seni dan mesti peka terhadap konteks dan keperluan khusus kumpulan murid. Model ini digunakan dalam mengkaji sejauh mana keberkesanan pengajaran guru dalam penguasaan kemahiran murid tahap dua dalam tatabahasa, terutamanya golongan kata yang telah dipelajari semasa tahap satu. Di samping itu, elemen dalam model Slavin dijadikan panduan untuk menghasilkan model sistem penarafan bintang yang merupakan objektif kedua pengkaji.


DAPATAN

Rajah 2 menunjukkan keputusan ujian penilaian kemahiran tatabahasa yang telah dijalankan dalam kalangan 50 responden. Graf menunjukkan peratusan responden yang berjaya dan tidak berjaya menjawab sekurang-kurangnya satu soalan dengan betul. Kata nama terdiri daripada tiga soalan. 53% daripada keseluruhan responden berjaya menjawab soalan dengan betul.

KATA KUNCI								
KN	-	Kata Nama	KAR	-	Kata Arah	KP	-	Kata Perintah
KGN	-	Kata Ganti Nama	KG	-	Kata Ganda	KH	-	Kata Hubung
KK	-	Kata Kerja	KS	-	Kata Seru	IM	-	Imbuhan
KA	-	Kata Adjektif	KT	-	Kata Tanya	KB	-	Kata Bantu
KM	-	Kata Majmuk	KSN	-	Kata Sendi Nama	KBI	-	Kata Bilangan

Jadual 1: Keputusan Ujian Penilaian Kemahiran Tatabahasa

JENIS SOALAN	KN	KG N	KA	KK	KH	KT	KS N	IM	KG	KS	K M	KP	KAR	KBI	KB
BETUL	79	96	136	40	44	74	38	76	67	26	15	22	21	18	10
JUMLAH SOALAN (x 50 responden)	150	150	250	100	100	100	100	150	100	50	50	50	50	50	50
BETUL (%)	53	64	54	40	44	74	38	51	67	52	30	44	42	36	20
SALAH (%)	47	36	46	60	56	26	62	49	33	48	70	56	58	64	80



Rajah 2: Keputusan Ujian Penilaian Kemahiran Tatabahasa


Angka ini menunjukkan bahawa hampir setengah daripada jumlah responden belum menguasai jenis kata nama yang merupakan asas dalam tatabahasa BM. Bagi kata ganti nama, terdapat 3 soalan juga. Hanya 36% daripada keseluruhan responden tidak berjaya dalam menjawab sekurang-kurangnya satu soalan dengan betul. Ini bermakna, kebanyakan responden dapat mengenali jenis kata ganti nama. Lima soalan telah diuji bawah golongan kata adjektif. Berdasarkan jumlah soalan tersebut, 54% responden dapat menjawabnya dengan betul. Seterusnya, dua soalan bentuk kata kerja mencatatkan

pencapaian responden yang lemah, iaitu 60% tidak berjaya menjawabnya dengan betul, manakala daripada dua soalan kata hubung yang diuji hanya 44% responden berjaya menjawab dengan betul. Sebaliknya, kata tanya memaparkan pencapaian yang amat baik, iaitu 26% responden sahaja gagal menjawabnya. Antara lain, cuma 38% responden yang dapat menjawab soalan kata sendi nama dengan betul. Bahagian imbuhan yang mengandungi tiga soalan dijawab dengan betul hanya 51% responden. Perkara ini memberikan maklumat bahawa tiga jenis imbuhan kurang difahami oleh responden. Selain itu, 33% responden sahaja yang tidak menjawab soalan kata ganda yang terdiri daripada dua dengan betul. Kebanyakan responden mempunyai pemahaman tentang kata ganda. Tetapi hampir separuh responden kurang menguasai kata seru, iaitu cuma 52% yang dapat menjawabnya dengan betul. Kata majmuk juga menunjukkan peratusan lemah, iaitu 70% responden gagal mendapat betul. Situasi yang sama bagi kata perintah dan kata arah yang masing-masing 44% dan 42% responden sahaja yang mengenalinya, manakala, hanya 36% responden dapat menjawab soalan kata bilangan dengan betul. Kata bantu yang menunjukkan peratusan pencapaian responden yang paling rendah antara yang lain, iaitu 80% tidak menjawab dengan betul.

Keputusan Responden Berdasarkan Golongan Kata

Rajah 2 menunjukkan keputusan komponen tatabahasa tahap rendah. Soalan kata nama yang terdiri daripada tiga, 18% daripada keseluruhan responden berjaya menjawab kesemua soalan dengan betul, manakala 47% daripada keseluruhan responden gagal menjawab sekurang-kurangnya satu soalan dengan betul kerana kurang pendedahan tentang jenisnya, walaupun mengenali perbendaharaan kata tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa responden kurang mahir dalam soalan kata nama, iaitu kata nama am, kata nama khas dan kata nama

bukan manusia yang diuji daripada kosa kata yang senang dikenali. 22% responden mendapat satu betul disebabkan soalan kata nama khas yang dapat dikenali dengan kosa kata yang dieja dengan huruf besar. Tambahan pula, responden kurang mengenali pilihan jawapan bagi soalan kata nama bukan manusia, iaitu ‘tukang kayu’, disebabkan ada perkataan kayu kebanyakan responden menjawabnya sebagai kata nama bukan manusia dengan kurang memahami maksud tukang yang merujuk manusia.



Rajah 2: Keputusan Komponen Tata Bahasa Tahap Rendah PETUNJUK

 BETUL 0
  BETUL 1
  BETUL 2
  BETUL 3
  BETUL 4
  BETUL 5

Komponen tatabahasa bagi kata ganti nama terdiri daripada 3 soalan. Pencapaian responden sangat memberangsangkan dengan jumlah peratusan responden yang mendapat semua betul (45%) melebihi jumlah peratus responden yang tidak dapat menjawab ketiga-tiga soalan dengan betul, iaitu 36%. Mengikut pemerhatian pengkaji semasa berbincang jawapan ujian tersebut dengan responden, mereka berpendapat bahawa gologan kata ganti nama dianggap lebih senang dikuasai berbanding dengan aspek yang lain. Hal ini demikian kerana wujud aspek kata ganti nama yang sama dalam bahasa ibunda. Maka, unsur kesamaan yang terdapat dalam bahasa ibunda memudahkan responden menguasai sesuatu aspek dengan lebih senang. Contohnya, kata ganti nama diri pertama disebut 'thanilai', manakala, kata ganti nama diri kedua dan ketiga masing-masing disebut sebagai 'munnilai' dan 'padarkai' dalam bahasa ibunda responden. Kata ganti nama juga wujud dalam BI, namun begitu penggunaannya dalam awalan, pertengahan dan akhiran ayat amat berbeza. Oleh itu, bahasa ibunda masih mempengaruhi penguasaan BM dalam kalangan murid India yang mempelajari bahasa kedua.

Bagi kata adjektif, peratusan yang tinggi, iaitu 46% menunjukkan responden yang gagal menjawab soalan adjektif yang terdiri daripada 5 dengan betul, tetapi hanya 21% responden yang mendapat semua betul. Pemahaman jenis kata adjektif kurang dimantap dalam kalangan responden, walaupun mereka mengetahui kosa kata yang diberikan ialah kata adjektif. Tetapi dalam buku teks tahap satu jenis kata adjektif yang diberikan penekanan diuji dalam kalangan responden. Hal ini bermakna pendedahan jenis kata adjektif kurang dihalusi apabila responden menjejak tahap dua. Dalam DSKP juga tidak wujud kesinambungan kandungan kemahiran tahap satu yang perlu diajar dalam tahap dua supaya penguasaan murid dapat dikekalkan. Situasi begini menyebabkan murid peringkat rendah agak ketinggalan dalam

menguasai aspek tatabahasa yang kurang dititikberatkan di sekolah. Padahal, struktur kertas pemahaman BM UPSR yang baharu menyelitkan kebanyakan soalan aspek tatabahasa yang aras tinggi. Oleh itu, kemahiran tatabahasa perlu ditanam dalam kalangan murid sejak tahap satu supaya dapat dimantapkan dari semasa ke masa.

Bahagian kata kerja yang mengandungi dua soalan menunjukkan bahawa hanya 14% daripada keseluruhan responden mendapat semua betul, dan 60% responden gagal menjawab sekurang-kurangnya satu soalan dengan betul. Data ini menunjukkan bahawa responden amat lemah dalam mengenali kata kerja tunggal mahupun kata kerja terbitan yang telah dipelajari dalam tahap satu. Terdapat juga responden yang bertanya maksud terbitan. Tahap pemahaman responden dapat diketahui daripada situasi tersebut. Satu kekurangan yang amat besar untuk dipandang serius, kalau murid darjah lima tidak mengenali kata kerja tunggal yang diajari sejak tahun satu, pendedahan atau pengulangan aspek yang dipelajari menjadi tanda soal. Hal ini kerana tunggal dan terbitan bezanya ialah kewujudan imbuhan sahaja. Jika murid cemerlang kurang sedar akan perkara senang seperti ini, punca akar umbinya dari mana sehingga murid masih kurang menguasainya walaupun telah menjejak tahap dua? Mengikut pemerhatian pengkaji, guru kurang memberikan perhatian akan murid yang lemah dan lembab memahami pengajaran tatabahasa. Maka, murid tersebut pun akan kabur aspek tatabahasa yang diajar di dalam kelas. Proses pengulangan aspek yang diajari kurang dijalankan oleh guru menyebabkan murid mudah lupa akan pengajaran system tatabahasa.

Kata hubung yang terdiri daripada dua soalan, hanya 24% daripada keseluruhan responden menjawab kesemua soalan dengan betul berbanding dengan jumlah responden yang tidak dapat menjawab sekurang-kurangnya satu soalan dengan betul, iaitu 56%. Responden gagal mengenali senarai kata hubung yang diberikan, iaitu 'sambil', 'kerana' dan 'lalu'

yang dipelajari sejak darjah satu. Tambahan pula, jika responden daripada kelas pintar yang ibu bapanya berlatarbelakangkan pendidikan tinggi kurang memahami jenis kata hubung gabungan, kelas yang terdiri daripada murid galus akan lebih lemah daripada mereka. Sekiranya responden kurang tahu kata hubung gabungan, mustahil mereka memahami ayat majmuk yang menggabungkan dua ayat dengan kata hubung gabungan. Oleh itu, murid darjah lima yang merupakan peringkat kedua dalam tahap dua kurang dimantapkan aspek kata hubung, maknanya mereka kurang didedahkan kemahiran berdasarkan DSKP, iaitu perkara 5.3 Pembentukan Ayat Majmuk tidak dicapai.

Bagi kata tanya, 56% daripada keseluruhan responden dapat menjawab semua soalan kata tanya dengan betul. Data menunjukkan hanya 26% yang gagal menjawabnya dengan betul. Hal ini memaparkan kebanyakan responden amat mengemari soalan kata tanya yang mudah untuk dijawab disebabkan dalam bahasa pertama dan bahasa ketiga (bahasa Inggeris) terdapat pendedahan unsur yang sama, namun 18% responden yang mendapat satu betul sahaja kerana keliru akan kata tanya tertutup, iaitu 'bolehkah' yang tidak berasal daripada kata tanya. Kata tanya digunakan untuk mendapatkan jawapan bagi soalan yang ingin tahu. Namun, terdapat dua jenis kata tanya, iaitu yang berasal daripada kata tanya seperti 'siapa', 'apa', 'berapa', 'bila' dan 'mengapa' dan tidak berasal daripada kata tanya tetapi masih menggunakan partikel –kah dan jawapannya sama ada 'ya' ataupun 'tidak'. Disebabkan terdapat partikel –kah dalam semua pilihan jawapan untuk soalan kata tanya, responden tidak mengenali kata tanya yang tidak berasal daripada kata tanya, iaitu 'bolehkah'.


Komponen tata bahasa bagi kata sendi nama menunjukkan bahawa 62% responden tidak berjaya menjawab sekurang-kurang satu soalan dengan betul berbanding dengan peratusan responden yang mendapat semua betul hanya 22%. Hampir tiga kali ganda responden kurang memahami dua

soalan yang diuji, iaitu mengenali kata sendi nama yang tidak merujuk masa dan tempat daripada empat pilihan yang diberikan masing-masing. Kalau responden dapat mengetahui maksud atau cara penggunaan kata sendi nama yang diberikan, pasti semua responden mendapat betul untuk kedua-dua soalan tersebut. Maka, pengkaji dapat mengetahui bahawa guru kurang memberikan pendedahan kepada responden cara penggunaan kata sendi nama dengan aras yang mudah untuk difahami. Tanpa pendedahan tersebut, responden tidak akan dapat menulis ayat keterangan dengan betul. Ayat keterangan memainkan peranan yang amat penting, terutamanya dalam kertas BM penulisan yang murid dikehendaki menulis ulasan dengan adanya isi tersurat dan tersirat (keterangan).

Hanya 49% responden gagal mendapat sekurang-kurang satu betul bagi imbuhan yang merangkumi 3 soalan, diikuti dengan 15% daripada keseluruhan responden yang mendapat semua betul. Imbuhan merupakan satu aspek yang amat perlu dikuasai kerana imbuhan ialah nadi bagi suatu ayat. Tiga jenis imbuhan yang diuji, iaitu imbuhan awalan, akhiran dan apitan daripada kata dasar yang sangat singkat dan mudah dipetik daripada buku teks tahap satu, namun kebanyakan responden kurang mendalami jenis imbuhan tersebut. Aras pengetahuan responden adalah pada paras yang rendah. Hal ini akan mengakibatkan murid menulis ayat yang kurang gramatis tanpa imbuhan yang sesuai. Tambahan pula, daripada maklum balas responden semasa berbincang tentang jawapan, pengkaji mendapati bahawa responden kurang jelas tentang kata dasar yang menerima imbuhan akan berubah menjadi jenis kata lain. Contohnya, kata dasar 'sumbang' yang merupakan kata kerja akan berubah menjadi kata nama apabila menerima imbuhan '..an'. Hal ini bermakna, responden terbiar sahaja hingga menjejak tahap dua tanpa mencungkil kemahiran tatabahasa asas kerana sekiranya responden mengenali imbuhan awalan 'me..' sahaja pun 49% yang gagal

menjawab sekurang-kurang satu soalan dengan betul tidak akan wujud.

Keputusan Komponen Tatabahasa Tahap Tinggi



Rajah 3: Komponen Tatabahasa Tahap Tinggi

Enam golongan kata iaitu kata seru, kata majmuk, kata perintah, kata arah, kata bilangan dan kata bantu diuji dengan satu soalan sahaja disebabkan golongan kata tersebut tidak terdapat dalam DSKP tahap satu. Namun, golongan kata tersebut wujud secara tersembunyi dalam buku teks dan murid perlu diberikan pendedahan sejak peringkat rendah supaya pengetahuan tersebut akan mantap apabila murid menjejak alam tahap dua. Oleh itu, pengkaji menguji tahap kemahiran penguasaan golongan kata tersebut satu soalan sahaja.

Secara perbandingan pencapaian kata ganda yang mencatatkan peratusan tertinggi daripada aspek golongan kata yang lain. Kata ganda memaparkan pencapaian yang baik, iaitu peratus responden yang mendapat semua betul ialah 54% dan 33%, salah kedua-dua soalan yang diuji. Soalan kata ganda penuh sungguh dipengaruhi oleh responden kerana mudah untuk difahami. Di samping itu, perkataan penuh menyebabkan responden dapat menjawab soalan tersebut dengan betul. Oleh itu, segelintir responden teragak-agak apabila diuji memilih bukan kata ganda daripada pilihan yang merangkumi kata ganda separa dan berima. Sekiranya responden peka akan kata ganda ada tanda sempang kecuali kata ganda separa 'cecair', maka mereka tidak akan teragak-agak dalam memilih jawapan betul. Oleh itu, wujud juga kejelasan kata ganda yang kurang dimantapkan dalam kalangan responden.

Rajah 3 menunjukkan keputusan komponen tatabahasa tahap tinggi. Pencapaian responden dalam soalan kata seru menunjukkan bahawa 48% tidak dapat menjawabnya dan selebihnya berjaya mendapat betul. Peratusan responden yang betul melebihi daripada peratusan responden yang gagal menjawabnya kerana kebanyakan responden dapat mengenali kata seru yang digunakan untuk merujuk 'sakit'. Hal ini disebabkan kebiasaan menggunakan perkataan 'aduh' baik dalam BM, mahupun bahasa ibunda apabila berasa sakit.

Kata majmuk memaparkan pencapaian kedua kurang memberangsangkan berbanding dengan golongan kata lain, iaitu hanya 30% responden yang dapat mengenalinya, manakala 70% responden gagal mendapat betul. Hal ini bermakna responden secara langsung tidak didedahkan maksud kata majmuk kerana sekiranya responden mengetahui bahawa kata majmuk merupakan dua kata yang berbeza memiliki satu makna apabila dirangkaikan, mereka dapat mengenali tiga kosa kata yang diberikan, iaitu 'papan tanda', 'bunga raya' dan 'matahari'. Namun, apabila pengkaji

menjelaskan matahari yang terdiri daripada dua kata yang berbeza tetapi apabila dirangkaikan menjadi satu makna, responden dapat memberikan contoh kata majmuk yang lain. Hal ini bermakna pendedahan unsur simplikasi untuk memahami sesuatu aspek kurang diaplikasikan dalam kalangan responden dan kemahiran pun sentiasa kurang dimantapkan.

Kesesuaian aras pengajaran seperti dalam model Slavin (1994) amat penting untuk pengajaran yang berkesan, iaitu guru hendaklah mengajar mengikut taraf pemahaman murid dan penjelasan komponen tatabahasa bukan berdasarkan pemahaman guru yang aras lebih tinggi. 44% responden sahaja menjawab soalan kata perintah dengan betul walaupun responden sering biasa dengan perkataan 'jangan'. Malahan, responden kurang didedahkan bahawa kosa kata tersebut tergolong dalam kata perintah yang telah dipelajari sejak tahun satu. Dalam buku teks tahap satu, kata perintah banyak ditekankan dan guru perlu melatih murid menggunakan kata perintah berdasarkan situasi serta didedahkan jenisnya. Dapatan jelas menunjukkan bahawa PdP kurang selaras dengan DSKP mahupun arahan dalam buku teks. Di samping itu, kata perintah biasa digunakan dalam kehidupan seharian, maka jenisnya pun senang dikuasai oleh murid, sekiranya dijelaskan dalam bahasa ibunda dengan memberikan contoh.

Komponen tatabahasa bagi kata arah menunjukkan bahawa 58% responden gagal mengenalinya, meskipun responden mengetahui maksud 'atas'. Situasi tersebut menunjukkan pemantapan kemahiran sistem tatabahasa daripada peringkat rendah kurang dilakukan di sekolah. Sekiranya, responden tahu maksud arah, pasti mereka dapat menjawab soalan tersebut dengan betul.

Bagi kata bilangan, 64% responden gagal mengenalinya, meskipun responden mengetahui maksud 'semua' yang biasa digunakan. Responden kurang didedahkan jenis katanya. Tambahan pula, aspek kata bilangan juga terdapat dalam BI, iaitu countable noun dan uncountable noun. Hal ini bermakna

responden kurang pengetahuan tentang kata bilangan baik dalam BM mahupun BI. Sekiranya, responden tidak mengenali kata bilangan tentu dan tidak tentu, maka penggunaan penjodoh bilangan bagi kata bilangan pun tidak diketahui.

Kata bantu mencatatkan pencapaian yang paling rendah, iaitu hanya 20% responden berjaya mendapat betul. Aspek kata bantu wujud dalam bahasa ibunda responden mahupun bahasa ketiga, bahasa Inggeris (past tense, present tense dan future tense), tetapi responden kurang dimantapkan aspek kesamaan tersebut dalam BM, walaupun kata bantu merupakan elemen penting dalam suatu ayat untuk menerangkan masa sesuatu perbuatan. Jika kata bantu ragam yang merujuk masa perbuatan tidak difahami oleh responden pasti kata bantu aspek langsung tidak ditekankan kepada mereka.

IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi dapatan kajian menunjukkan bahawa murid tahap dua kurang mempunyai kemahiran sistem tatabahasa tahap satu, terutamanya dalam mengenali golongan kata. Hal ini terbukti apabila murid darjah lima tidak dapat menjawab sistem tatabahasa yang kosa katanya diuji daripada buku teks yang telah dipelajari dalam tahap satu. Rincian data kajian ini membantu guru dan pihak sekolah untuk melihat tahap penguasaan murid cemerlang dalam mengenali golongan kata. Selain itu, dapatan kajian ini turut memberikan manfaat dari segi perkembangan pencapaian murid dalam penguasaan tatabahasa. Di samping itu, model Slavin turut menyenaraikan komponen pengajaran yang berkesan. Dalam peningkatan pencapaian penguasaan sistem tatabahasa murid, kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa menjadi input pengajaran yang berkesan. Implikasi dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden terus dinaikkan ke

darjah seterusnya tanpa dinilai kemahiran asas yang dikuasainya.

Sebanyak 15 golongan kata yang diuji dalam kalangan responden melalui ujian penilaian kemahiran tatabahasa sepatutnya sudah dimantap dan ditelusuri minda mereka kerana responden lebih ke arah mendekati persediaan UPSR. Pengajaran tatabahasa perlu diajar secara berperingkat daripada aras rendah ke tinggi supaya sehati dalam perkembangan responden. Tambahan pula, dalam PdP bahasa kedua wajar ada unsur pengulangan sehingga membentuk kebiasaan kerana responden kurang mempunyai pendedahan di luar kelas untuk mendalami BM. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden dapat menguasai aspek golongan kata jika memudahkan pemahaman mereka supaya dapat diingati. Contohnya, kata ganti nama diri diajar selaras dengan bahasa ibunda yang mempunyai kesamaan, maka murid dapat menguasainya dengan lebih mudah. Situasi yang sama untuk kata tanya dan kata adjektif merupakan aspek yang terdapat dalam bahasa Inggeris juga, tetapi tahap penyampaian itu yang amat penting. Selain itu, aspek yang aras tinggi seperti kata sendi nama, kata bantu, kata hubung, kata majmuk dan kata kerja kurang dikuasai oleh responden. Berdasarkan tinjauan pengkaji, hal ini disebabkan responden tidak didedahkan dengan unsur simplikasi yang mencungkil fikiran mereka dan diterangkan penggunaannya pada aras tinggi berdasarkan pemahaman guru.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan bahawa kemahiran sistem tatabahasa tahap satu kurang dimantap oleh murid tahap dua. Hampir 60% daripada keseluruhan responden gagal mendapat betul dalam ujian penilaian kemahiran tatabahasa yang telah diadakan. Berdasarkan

senario tersebut, dapat diketahui bahawa murid terus dihantar ke darjah seterusnya tanpa dimantapkan kemahiran sistem tatabahasa dan kurang analisis dijalankan terhadap penguasaan kemahiran sistem tatabahasa berdasarkan buku teks. Dapatan daripada kaedah kajian temu bual juga menyokong kenyataan ini, iaitu guru menganalisis kemahiran murid dalam BM berdasarkan latihan dan ujian yang tidak merangkumi aspek tatabahasa sahaja. Fenomena ini menimbulkan masalah kepada guru yang mengajarkan BM kepada murid darjah enam, maka keputusan UPSR BM pemahaman juga terjejas.

Tambahan pula, berdasarkan kaedah kajian tinjauan dan pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa DSKP tidak mengandungi keseluruhan sistem tatabahasa yang perlu diajarkan oleh guru, namun guru perlu memberikan pendedahan keseluruhan kemahiran secara tersembunyi kepada murid sejak peringkat rendah supaya pemantapan kemahiran tersebut dapat dijalankan dari tahun ke tahun. Dapatan kajian menyokong model Slavin, iaitu hubungan perkembangan antara setiap empat elemen pemboleh ubah (dalam model QAIT) dan kesan ke atas pencapaian pelajar adalah dalam gandaan. Sekiranya mana-mana satu pemboleh ubah menjadi sifar, hasil pembelajaran juga menjadi sifar.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Bin Jamian. (2011, Mei). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Abdul Rashid Daing Melebek. (2010, Disember). Penguasaan Tatabahasa Guru Mata Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam. *Jurnal Linguistik*, 11. Retrieved Jun 04, 2016, from <http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=73470>

- Aisyah Amin & Abdul Rasid Jamian. (2013). Permasalahan kemahiran lisan prasekolah SJK (Tamil). Seminar Pascaujian Siswazah dalam Pendidikan (Greduc), 224-228.
- Ary, D., Jacobs, L. C. and Razavich, A. (1996). Introduction to research in education (5th ed.). Orlando: Harcourt Brace College Pub.
- Batik Anak Bidin. (2011). Stail pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar peribumi Iban di Sarawak. Ph.D disertasi. Universiti Putra Malaysia
- Eman Elturki. (2011). An investigation of grammar problems facing English language learners. Ph.D Dissertation, Washington State University. Retrieved August 04, 2016. from www.hltmag.co.uk/apr14/mart04.rtf
- Mohd. Majid Konting. (2009). Kaedah Pengkajian Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Zila Md Yusuf, (2012). Bahasa Antara dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. Ph.D disertasi. Universiti Putra Malaysia
- Noor Zila binti Md. Yusuf. (2015) Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. JurnalRampak Serantau Bil 23, 2016 45-74
- Noraniza Binti Ikhwan. (2006). Penguasaan bahasa kanak-kanak prasekolah: satu kajian kata nama daripada aspek perbendaharaan kata di daerah Johor Bahru. Latihan Ilmiah. Universiti Putra Malaysia.
- Nor Zaiton Hanafi, Nor Azura Mohd Salleh & Zamri Mahamod (2008). Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Pelajar Cina ketika Belajar Bahasa Melayu. dlm. Zamri Mahamod, Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu (pp. 117-145) Shah Alam: Karisma Publications.
- Rohaza Binti Mohd Saad. (2011). Kesilapan morfologi dalam penulisan bahasa Melayu pelajar bukan Melayu. Latihan Ilmiah. Universiti Putra Malaysia.

- Robert E. Slavin. (1994). Quality, appropriateness, incentive, and time: A model of instructional effectiveness. *International Journal of Educational Research*, 21(2), 141-157. Retrieved May 27, 2016, from <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/0883035594900299>
- Slavin, R.E. (1994). Quality, appropriateness, incentive, and time: A model of instructional effectiveness. *International Journal of Educational Research*, 21(2), 141-157. Retrieved May 27, 2016, from <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/0883035594900299>
- Sharina Binti Halim. (2010). Penguasaan tatabahasa BM dalam kalangan murid tahun empat. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. (2002). Reka Bentuk Pengkajian Falsafah, Teori dan Praktis. Selangor: Penerbit University Putra Malaysia, Serdang.
- Suthanthiradevi J.N.J Money. (2004). Kesalahan bahasa dalam karangan murid Tamil yang mempelajari bahasa Melayu di sekolah menengah. Ph.D disertasi. Universiti Putra Malaysia.
- Vijayaletchumy Subramaniam. (1998). Masalah penguasaan bahasa Melayu di kalangan kanakkanak prasekolah: satu kajian psikolinguistik dari aspek fonologi dan morfologi. Latihan Ilmiah. Universiti Putra Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2008). Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- (2015, November 17). UPSR 2015: Pencapaian meningkat, 38,344 calon dapat semua A. AstroAwani. Retrieved Oktober 3, 2016, from <http://www.astroawani.com/beritamalaysia/upsr-2015-pencapaian-meningkat-38-344-calon-dapat-semua-81170>